

577:

PARLIMEN-PROJEK

1974

KUALA LUMPUR, 8 NOV. (BERNAMA) -- SEJUMLAH 619 PROJEK PERUSAHAAN TELAH DIBERI KEULUSAN TARAF PERINTIS SEJAK TAHUN 1971 HINGGA SEPTEMBER TAHUN INI, DEWAN RAKYAT DIBERITAHU HARI INI.

MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATUK HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH MENJAWAB SOALAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI SHUKOR (BN-PADANG TERAP).

PROJEK-PROJEK TERSEBUT MENGIKUT NEGERI DAN BILANGAN TALAH: WILAYAH PERSEKUTUAN (31), JOHOR (66), KEDAH (30), KELANTAN (5), MELAKA (39), NEGERI SEMBILAN (28), PAHANG (19), PULAU PINANG (113), PERAK (54), PERLIS (2), SABAH (19), SARAWAK (25), SELANGOR (161), TRENGGANU (7), DAN 20 LAGI PROJEK BELUM DIPASTIKAN DIMANA AKAN DITEMPATKAN.

MENJAWAB SOALAN ENCIK OH KENG SENG (DAP-PETALING), DATUK HAMZAH MEMBERITAHU, SEBANYAK 1,514 LESEN IMPOT KERETA TELAH DIBERI KEPADA FIRMA-FIRMA DAN ORANG PERSEORANGAN DARI JANUARI HINGGA OKTOBER TAHUN INI.

TAHUN LEPAS SEBANYAK 1,593 LESEN IMPOT TELAH DIKELUARKAN.

KATA BELIAU, SEJAK KAWALAN KE ATAS PENGIMPOTAN KERETA DIKENAKAN PADA TAHUN 1966, LESEN-LESEN IMPOT HANYA DIKELUARKAN BERASASKAN KEPADA QOTA YANG TELAH DIPERUNTUKKAN.

PERTIMBANGAN DIBERI KEPADA PERMOHONAN DARI PEGAWAI DIPLOMAT ASING DAN PEGAWAI KERAJAAN YANG BERTUGAS DI LUAR NEGERI APABILA DITUKARKAN KEMBALI KE MALAYSIA. --BERSAMBUNG 1640/SZ

587

PARLIMEN-PROJEK 2 KUALA LUMPUR

PERTIMBANGAN LAIN TALAH SEKIRANYA TIDAK ADA JENIS KERETA YANG DIPASANG OLEH SYARIKAT PEMASANGAN KERETA TEMPATAN, PERMOHONAN DARI PEMEGANG-PEMEGANG PERMIT JABATAN PENGANGKUTAN YANG TIDAK MAMPU MEMBELI KERETA-KERETA BARU DIBUAT TEKS; DAN SEBAB-SEBAB LAIN YANG DIFIKIRKAN MUNASABAH.

MENTERI BURUH DAN TENAGA RAKYAT, DATO LEE SAN CHOON, MENJAWAB SOALAN ENCIK FAN YEW TENG (DAP-MENGELEMBU) MEMBERITAHU, SERAMAI 141 PEKERJA KILANG LETRONIK TELAH DIBUANG KERJA DI SEMENANJUNG MALAYSIA SEHINGGA 15 OKTOBER TAHUN INI.

KIRA-KIRA 30 ORANG DARI MEREKA TELAH MENDAFTARKAN DIRI DI PEJABAT PEKERJAAN TEMPATAN BAYAN LEPAS DAN TELAH MENDAPAT PEKERJAAN LAIN.

ENCIK EMBONG YAHYA (BN-LEDANG) BERTANYA MENTERI PELAJARAN SAMAAADA BELIAU SEDAR BAHAWA SEKOLAH KEBANGSAAN SIALANG, TANGKAK DI JOHOR TIDAK MEMPUNYAI TANDAS DAN BILIK AIR SEJAK TAHUN 1968.

MENTERI BERKENAAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, PERUNTUKAN 50,000 TELAH DIKHAJAN BAGI MEMBINA TANDAS DAN BILIK AIR DI SEKOLAH ITU.

MENJAWAB SOALAN ENCIK LEW SIP HON (BN-SHAH ALAM), MENGENAI TEKANAN POLITIK, DR. MAHATHIR MEMINTA ANGGOTA ITU MEMBERI CONTOH DAN BUKTI YANG CUKUP DAN MEMBERI KEUNTUNGAN KEPADA SIAPA PERTUKARAN SEPerti YANG DIDAKWA ITU. -- BERNAMA 1715/YF

1104